

12 MAR 2000

UMNO BAHAGIAN MERSING CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

MERSING, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Mersing mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bagi jawatan naib presiden, bahagian itu mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad yang juga Ketua Umno Bahagian Mersing.

Bagi jawatan Majlis Tertinggi, bahagian itu mencalonkan Datuk Shahrir Samad, Adam Hamid, Baharom Abdul Ghani, Datuk Ruhanie Ahmad, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Adnan Yaacob, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Mohamed Nazri Aziz, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Hilmi Yahya.

Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Khalid Yunus, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Mohd Shariff Omar, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Dr Abdul Latiff Ahmad.

-- BERNAMA

IS MKO LAT